

Syed Husin akui PKR silap

um- 26/5/2007

SEREMBAN 25 Mei - Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dr. Syed Husin Ali mengakui parti itu telah melakukan kesilapan dengan tidak mengambil tindakan tegas terhadap anggota yang melanggar disiplin sehingga menjejaskan masa depan parti.

"Kita tidak bertindak, misalnya terhadap anggota yang membuat kenyataan media, menuduh tanpa bukti pucuk pimpinan parti korup dan menyeru supaya PKR ditutup," katanya sewaktu berucap merasmikan Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda (AMK) dan Wanita PKR di Sekolah Tinggi Chung Hua di sini hari ini.

Menurut beliau, tuduhan sedemikian boleh digunakan oleh media musuh dan parti lawan untuk memburukkan PKR.

"Tidak mungkin kita mengharapkan anggota sedemikian rupa mendisiplinkan diri. Dari awal niatnya tidak ikhlas, sama sahaja seperti beberapa kerat pemimpin bahagian yang jelas bertindak mencemarkan nama PKR," ujar beliau.

Dr. Syed Husin juga berkata, ahli jawatankuasa PKR yang selalu tidak hadir mesyuarat atau tidak pernah menyertai kegiatan parti tidak mungkin boleh diharapkan untuk mendisiplinkan diri.

"Seandainya mereka terus berbuat demikian dan tidak mahu mengubah sikap, lebih baik mereka berundur sahaja atau jangan pilih mereka semula," ujar beliau.

Beliau mendakwa dari dahulu sehingga sekarang ada beberapa orang ahli PKR yang berani bertindak bongkak mengatasi organisasi dan keputusan mesyuarat kerana menganggap mereka kuat dan berkuasa.

"Dalam pemilihan pimpinan dan perwakilan AMK ke kongres kali ini ada banyak hal yang pincang. Apa yang berlaku harus menjadi pelajaran dan tauladan supaya tidak berulang lagi. Tuduh-menuduh, pergaduhan dan perpecahan perlu dielakkan



DR. Syed Husin Ali (dua dari kiri) bersama Ketua Angkatan Muda Shamsul Iskandar Mohd Akin (tengah) bersalaman dengan perwakilan selepas merasmikan Kongres Nasional Tahunan Wanita dan Angkatan Muda PKR di Seremban, semalam.

selepas kongres ini.

"Kita selalu menyebut tentang faktor lua-

ran seperti 3M (Money, Machinery, Media), tetapi kita juga mesti sedia melihat ke dalam

diri sendiri. Kita mesti mengenal pasti dan mengakui kekurangan diri sendiri," katanya.